

KEMPEN PB 2020 DOUBLE BONUS

TERMA DAN SYARAT

Kempen PB 2020 Double Bonus (“Kempen”) dilancarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan selepas ini:-

1. Butir-butir Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Mac 2020 hingga 30 Jun 2020** [termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Ciri-ciri Kempen

- 2.1 Kempen ini mengandungi dua (2) kempen kecil yang mana Produk yang Layak adalah seperti yang berikut:

Kempen kecil	Produk yang Layak*
Kempen PB SA Bonus	a) Akaun Simpanan PLUS (PLUS SA) b) Akaun Simpanan Basic (Basic SA) c) Akaun Semasa PLUS (PLUS CA) d) Akaun Semasa Basic (Basic CA)
Kempen PB FD Bonus	Akaun Deposit Tetap PLUS (DT PLUS)

*Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 2.2 **Peserta yang Layak perlu mengambil bahagian dalam “Kempen PB SA Bonus” terlebih dahulu sebelum beliau layak untuk mengambil bahagian dalam “Kempen PB FD Bonus”.**

3. Kelayakan

- 3.1 Kempen ini terbuka kepada semua individu berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan.
- 3.2 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan PBB baharu dan sedia ada termasuk bukan pemastautin (“Peserta yang Layak”).

- 3.3 Kakitangan tetap dan/atau kakitangan kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”) **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 3.4 Untuk akaun bersama, hanya pemegang akaun yang namanya pertama tercatat dalam rekod PBB, atau untuk akaun bagi pihak, nama ibu atau bapa/penjaga yang sah pertama tercatat dalam rekod PBB akan dikenal pasti sebagai Peserta yang Layak.
- 3.5 Bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 3.6 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini tidak boleh dan dilarang untuk diuntukkan atau digunakan untuk apa-apa kempen lain yang dijalankan serentak semasa Tempoh Kempen, atau apa-apa lanjutan selepas itu.
- 3.7 Dana yang digunakan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini mestilah dana baharu. **“Dana baharu”** merujuk dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Peserta yang Layak dengan PBB atau PIBB.
- 3.8 Sumber dana baharu yang boleh diterima adalah seperti yang berikut:-
 - a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
 - b) Prosid yang diterima daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana adalah dana baharu yang didepositkan dalam akaun berkenaan);
 - c) Prosid daripada Cek Sendiri daripada pihak ke-3;
 - d) Prosid daripada Cek Tempatan; dan/atau
 - e) Prosid daripada Pindahan Telegraf (TT) /GIRO Antara Bank (IBG)/ RENTAS daripada bank-bank lain.
- 3.9 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu ini dipindahkan ke PBB dalam mana deposit itu disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunjungi cawangan pemegang akaun untuk memaklumkan kepada cawangan tersebut mengenai pindahan itu dan membenarkan PBB untuk menguntukkan amaun deposit tersebut dan/atau melaksanakan peletakannya.
- 3.10 Deposit yang dibuat menggunakan cek tertakluk pada penjelasan cek dan akan hanya dianggap sebagai deposit oleh Peserta yang Layak selepas cek tersebut dibayar atau dijelaskan dan akan hanya dianggap laku jika tidak dipulangkan sebagai cek tak laku. Untukkan amaun deposit itu akan berkuat kuasa selepas fasal ini dipenuhi.

- 3.11 Kempen ini tidak sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB. Bagaimanapun, Peserta yang Layak dibenarkan untuk mengambil bahagian serentak dengan “Kempen PB SA Bonus” dan “Kempen PB FD Bonus”.

4. Kempen PB SA Bonus

- 4.1 Untuk mengambil bahagian dalam “Kempen PB SA Bonus” ini, Peserta yang Layak mesti meletakkan amaun deposit dalam Produk yang Layak di bawah “Kempen PB SA Bonus” dan membenarkan amaun deposit itu diuntukkan selama enam (6) bulan untuk layak mendapat Hadiah seperti dalam jadual di bawah:-

Jenis Hadiah	Amaun Untukkan	Tempoh yang Diuntukkan
Pembersih Hama Midea (MVC-B500VM)	RM48,000	6 Bulan
Pembersih Udara SHARP (FPJ30LA)	RM38,000	
Pengisar Pelbagai Khind (BLC129)	RM18,000	

- 4.2 Sekiranya amaun deposit Produk yang Layak yang diuntukkan itu dibatalkan, dikeluarkan atau dilepaskan lebih awal daripada tempoh untukkan yang ditetapkan atas apa juga sebab:-

- a) PBB akan menolak penalti daripada Produk yang Layak berkenaan seperti yang berikut:-

Jenis Hadiah	Pembersih Hama Midea (MVC-B500VM)	Pembersih Udara SHARP (FPJ30LA)	Pengisar Pelbagai Khind (BLC129)
Penalti	RM 354	RM 310	RM 152

- b) Peserta yang Layak dikehendaki membuat **pengeluaran pramatang** peletakan DT PLUS (jika ada) di bawah “Kempen PB FD Bonus”, sekiranya Peserta yang Layak **hanya mempunyai satu (1)** amaun deposit yang diuntukkan di bawah “Kempen PB SA Bonus”.

- c) Peserta yang Layak **TIDAK perlu membuat pengeluaran pramatang** peletakan DT PLUS di bawah “Kempen PB FD Bonus” sekiranya Peserta yang Layak mempunyai **sekurang-kurangnya satu (1)** amaun deposit yang diuntukkan selepas pembatalan/pengeluaran amaun yang diuntukkan di bawah “Kempen PB SA Bonus”.
- 4.3 Untuk hendaklah dibuat di Cawangan Pemegang Akaun semasa Tempoh Kempen.
- 4.4 Apa-apa peletakan yang diuntukkan yang dibuat dalam Produk yang Layak di bawah “Kempen PB SA Bonus” tidak dibenarkan untuk dicagarkan bagi apa-apa overdraf atau kemudahan tunai-i, atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan yang lain.
- 4.5 Peserta yang Layak dibenarkan untuk mengambil satu atau lebih daripada satu Hadiah seperti yang dinyatakan dalam Fasal 4.1 selagi Peserta yang Layak memenuhi kriteria kelayakan bagi Hadiah-hadiah berkenaan.
- 4.6 Peserta yang Layak (termasuk semua pemegang akaun bersama, bagi Akaun Bersama) perlu menandatangani “PB 2020 Double Bonus – Kempen PB SA Bonus: Surat untuk Pengeluaran Awal (LEU)” sekiranya Peserta yang Layak ingin membuat pengeluaran awal bagi deposit yang diuntukkan di bawah “Kempen PB SA Bonus” ini dan mengakui bahawa PBB berhak untuk menolak penalti berkenaan seperti yang dinyatakan dalam “PB 2020 Double Bonus – Kempen PB SA Bonus: Surat untuk Menguntungkan/Indemniti (LEI)” yang ditandatangani oleh Peserta yang Layak.
- 4.7 Penukaran Produk yang Tidak Layak kepada Produk yang Layak semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk menyertai “Kempen PB SA Bonus” ini.
- 4.8 Produk yang Layak yang dirangkaikan dengan kemudahan kredit/pinjaman/ pembiayaan Peserta yang Layak ini tidak layak untuk mengambil bahagian dalam “Kempen PB SA Bonus” ini.
- 4.9 Hadiah-hadiah yang ditawarkan bagi “Kempen PB SA Bonus” oleh Peserta yang Layak dan yang direkodkan oleh PBB adalah muktamad.

5. Hadiah

- 5.1 Peserta yang Layak (termasuk semua pemegang akaun bersama yang lain, bagi Akaun Bersama) perlu menandatangani “PB 2020 Double Bonus – Kempen PB SA Bonus: Surat untuk Menguntungkan/Indemniti (LEI)” untuk mengambil bahagian dalam “Kempen PB SA Bonus” ini dan untuk layak mendapat Hadiah.
- 5.2 Selepas syarat-syarat “Kempen PB SA Bonus” ini dipenuhi seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, Peserta yang Layak layak untuk mendapat Hadiah.
- 5.3 Hadiah akan diberi berdasarkan siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada.
- 5.4 Tiada pilihan warna disediakan.
- 5.5 Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya. Hadiah yang ditawarkan dalam “Kempen PB SA Bonus” ini tidak termasuk apa-apa aksesori atau barang-barang yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan dan/atau bahan promosi kerana ia hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- 5.6 PBB berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan Hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa dan/atau untuk menambah atau mengurangkan bilangan Hadiah.

6. Penghantaran Hadiah

- 6.1 Hadiah akan dihantar ke alamat surat-menyurat **Pemegang Akaun Utama** Produk yang Layak **dalam tempoh 12 minggu** dari tarikh utukkan Produk yang Layak.
- 6.2 Pemberian dan penghantaran Hadiah dikendalikan oleh JCMS ProRewards Sdn Bhd, No. Pendaftaran 200101021080 (556838-A) yang mempunyai alamat berdaftar di No. 19, Jalan 51/203A, Seksyen 51, Kawasan Perindustrian Tiong Nam, 46050 Petaling Jaya, Selangor.
- 6.3 Butir-butir untuk menghubungi Peserta yang Layak mengikut rekod PBB akan dikongsi dengan JCMS ProRewards Sdn Bhd bagi tujuan penghantaran Hadiah.

- 6.4 Sebaik sahaja menerima Hadiah, Peserta yang Layak hendaklah memeriksa dan menentukan kualiti, kebolehdagangan dan/atau kesesuaian penggunaan Hadiah tersebut. Peserta yang Layak akan berurusan secara terus dengan JCMS ProRewards Sdn Bhd bagi Hadiah gantian sekiranya Hadiah perlu ditukar kerana rosak atau cacat dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas menerima Hadiah berkenaan. Peserta yang Layak hendaklah menyimpan Arahan Penyerahan bagi tujuan rujukan. Sekiranya Hadiah tidak diterima, Peserta yang Layak boleh membuat aduan kepada JCMS ProRewards Sdn Bhd melalui 03-7890 3616 atau e-mel kepada rewards@jcmsprorewards.com dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja dari waktu JCMS ProRewards Sdn Bhd menghubungi Peserta yang Layak untuk pengesahan.
- 6.5 Peserta yang Layak perlu menghubungi JCMS ProRewards Sdn Bhd melalui nombor telefon dan e-mel yang dinyatakan dalam Fasal 6.4 di atas mengenai apa-apa pertanyaan berhubung dengan penghantaran Hadiah.

7. Kempen PB FD Bonus

- 7.1 Peserta yang Layak dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya satu deposit yang diuntukkan di bawah “Kempen PB SA Bonus” **terlebih dahulu sebelum** Peserta yang Layak mengambil bahagian dalam “Kempen PB FD Bonus”.
- 7.2 Peletakan deposit di bawah “Kempen PB FD Bonus” ini tertakluk pada had minimum dan maksimum seperti yang berikut:

Jenis Pelanggan	Peletakan Deposit	
	Minimum	Maksimum
Individu	RM10,000 bagi setiap resit	RM10 Juta (setiap pelanggan)

- 7.3 Peletakan DT PLUS mesti dibuat semasa Tempoh Kempen.
- 7.4 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan dalam DT PLUS dalam beberapa resit tertakluk pada amaun minimum sebanyak RM10,000 bagi setiap resit.

- 7.5 Kadar faedah promosi yang ditawarkan di bawah “Kempen FD PB Bonus” ini adalah seperti yang berikut:

Untuk tempoh kempen dari 1 Mac 2020 hingga 5 Mac 2020:

Tempoh	Kadar Faedah Promosi (% setahun)
4 Bulan	3.35

Untuk tempoh kempen dari 6 Mac 2020 hingga 30 Jun 2020:

Tempoh	Kadar Faedah Promosi (% setahun)
4 Bulan	3.10

- 7.6 DT PLUS hanyalah untuk peletakan selama 4 bulan sahaja. Kadar faedah promosi ini diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. DT PLUS itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh selama 4 bulan pada kadar kaunter semasa PBB dengan faedah DT PLUS ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam PLUS CA/ PLUS SA / Basic CA / Basic SA yang ditetapkan milik Peserta yang Layak apabila matang.
- 7.7 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 7.8 Kadar faedah promosi ditetapkan semasa penyertaan/peletakan.
- 7.9 Apabila matang, faedah DT PLUS akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam PLUS CA/ PLUS SA / Basic CA / Basic SA yang ditetapkan milik Peserta yang Layak menurut peraturan operasi biasa PBB bagi pengkreditan faedah DT PLUS dalam PLUS CA/ PLUS SA / Basic CA / Basic SA yang ditetapkan milik Peserta yang Layak.
- 7.10 **Peletakan deposit di bawah “Kempen PB FD Bonus” yang dikeluarkan, sebahagian atau sepenuhnya, pramatang semasa tempoh pemegangan, tidak layak untuk menikmati apa-apa pun faedah.**
- Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan DT PLUS diperbaharui.**
- 7.11 Sekiranya amaun deposit yang diuntukkan bagi Produk yang Layak dibatalkan, dikeluarkan atau dilepaskan dalam tempoh yang kurang daripada tempoh untukkan yang dinyatakan di bawah “Kempen PB SA Bonus” bagi apa juga sebab:-

- a) Peserta yang Layak dikehendaki membuat **pengeluaran pramatang** peletakan DT PLUS (jika ada) di bawah “Kempen PB FD Bonus”, sekiranya Peserta yang Layak **hanya mempunyai satu (1)** amaun deposit selepas pembatalan/pengeluaran amaun yang diuntukkan di bawah “Kempen PB SA Bonus”;
- b) Peserta yang Layak **TIDAK perlu membuat pengeluaran pramatang** peletakan DT PLUS di bawah “Kempen PB FD Bonus” sekiranya Peserta yang Layak mempunyai **sekurang-kurangnya satu (1)** amaun deposit yang diuntukkan selepas pembatalan/pengeluaran amaun yang diuntukkan di bawah “Kempen PB SA Bonus”.

7.12 Pengeluaran sebahagian peletakan DT PLUS **tidak** dibenarkan.

7.13 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan DT PLUS mesti dibuat dengan memberi arahan yang jelas dan tepat secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan dibenarkan akaun tersebut berkenaan dengan pengeluaran dan pelupusan peletakan tersebut. PBB berhak untuk menolak / menahan diri daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada mana-mana dokumen itu kelihatan kepada PBB berbeza dengan contoh tandatangan yang diberi. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan oleh tandatangan mengikut contoh tandatangan.

7.14 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam DT PLUS di bawah “Kempen PB FD Bonus” tidak dibenarkan untuk dicagarkan bagi apa-apa overdraf / kemudahan tunai-i / apa-apa kemudahan atau pembiayaan.

8. Liabiliti dan Tanggungjawab

8.1 PBB menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Hadiah. PBB tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk menggunakannya dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak disebabkan oleh kecacatan bahannya atau pembuatannya oleh pengilang sama ada di bawah jaminan atau tidak. Peserta yang Layak hendaklah berurusan terus dengan pengeluar dan/atau wakil jualannya yang sah bagi jaminan maklumat, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan khusus dengan pemasangan, spesifikasi, penggunaan atau pengendalian Hadiah.

8.2 Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan kepada Hadiah tersebut akan berpindah kepada Peserta yang Layak selepas Hadiah tersebut dihantar kepada Peserta yang Layak. PBB tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi atau berkewajipan untuk mengakui atau menggantikan mana-mana Hadiah yang mempunyai kecacatan, hilang, rosak atau dicuri.

9. Hak PBB

- 9.1 Melainkan bagi kadar faedah promosi yang dinyatakan dalam Fasal 7.5 di atas yang ditetapkan semasa mengambil bahagian/peletakan, PBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar dalam laman web PBB atau menerusi kaedah komunikasi lain yang PBB anggap sesuai dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan Terma dan Syarat berkenaan.

10. Lain-lain

- 10.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-
- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak dengan PBB, yang sesalinannya telah diberi kepada Peserta yang Layak. Sekiranya terdapat konflik atau pertikaian antara terma dan syarat ini dengan peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak, terma dan syarat ini akan diberi keutamaan;
 - b) bersetuju dan mengizinkan maklumat berkenaan dengan Produknya yang Layak boleh diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini;
 - c) bersetuju dan mengizinkan nama, nombor telefon, alamat surat-menyurat dan nombor pengenalan 4 digit terakhir pemegang akaun Peserta yang Layak akan dikemukakan oleh PBB kepada JCMS ProRewards Sdn Bhd bagi membolehkan JCMS ProRewards Sdn Bhd untuk menghantar Hadiah berkenaan.
 - d) bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad.
- 10.2 Untuk meneliti Notis Privasi PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima maklumat mengenai produk dan perkhidmatan PBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasarannya, sila layari www.pbebank.com atau kunjungi mana-mana cawangan PBB.